

# 25 tahun Pak Ali bersama PM

UM 31/10/2003 - 11 PRECISE

Oleh SAHBULAH DARWI

PAK Ali mengakui beliau tidak mungkin dapat melupakan suatu malam pada tanggal 18 Januari 1989, yang menyebabkannya begitu gelisah laksana orang tak keruan untuk bergegas ke Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL) secepat mungkin.

Dalam perjalanan menuju ke hospital, banyak sangat persoalan yang timbul di benak Pak Ali tentang keadaan orang yang dikasihi itu, dengan harapan semua berjalan dengan baik.

Perasaan cemas sudah tentu sukar dibendung memandangkan orang berkenaan ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang baru beberapa jam dihantar Pak Ali ke Seri Perdana kira-kira pukul 10 malam sebaik selesai menghadiri majlis makan malam.

Pak Ali atau nama sebenarnya **Datuk Muhammad Ali** yang bertugas sebagai pegawai pengiring dan pengawal peribadi kepada Perdana Menteri menguatkan semangat menghalakan kereta untuk menuju HBKL. Dr. Mahathir dimasukkan ke wad pada pukul 1 pagi selepas mengadu sakit dada.

"Ia adalah detik yang mencemaskan, tetapi wajah Perdana Menteri tetap tenang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya, baru-baru ini.

Ketika mengimbas peristiwa itu, Pak Ali berkata, setiba tiba di wad tersebut beliau diberitahu bahawa keadaan Dr. Mahathir stabil dan kini sedang dirawat oleh pakar kardiologi kanan hospital, Datuk Dr. ketika itu ialah Datuk Dr. C. Fonseka memberitahu keadaan Dr. Mahathir adalah memuaskan. Pak Ali berasa lega tidak terhingga.

Kegembiraan Pak Ali itu bertambah lagi apabila, Perdana Menteri selamat menjalani pembedahan pintasan koronari jantung yang dilakukan oleh Dr. Yahya Awang dan Dr. Rozali Wathooth pada pagi 24 Januari 1989.

Hari ini Pak Ali yang berusia 58 tahun. Sebanyak 25 tahun daripada usianya digunakan untuk bertugas sebagai pegawai keselamatan dan pengiring Dr. Mahathir.

Tugas berkenaan yang dipikul sejak tahun 1978, ketika Dr. Mahathir masih lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri, kadang kala mencemaskan beliau kerana ia bukanlah tanggungjawab yang ringan.

Ditanya mengenai tugas Pak Ali, beliau berkata, apa-apa sahaja yang membabitkan aspek keselamatan Perdana Menteri adalah tanggungjawabnya.

Ini termasuklah keselamatan diri, keluarga, perjalanan, makanan dan hadiah yang diterima Perdana Menteri.

"Soal keselamatan kita tidak boleh tolak ansur," katanya.

Pak Ali berkata, antaranya, beliau sendiri perlu merasa dan menguji setiap makanan yang bakal dihidangkan kepada Dr. Mahathir bagi

memastikan ia selamat.

Pak Ali berkata, Perdana Menteri mahu kakitangan mempunyai keyakinan diri dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

"Beliau tegas bila suruh buat sesuatu perkara, maka mesti kita buat dan jangan cakap tak boleh buat, ini pantang beliau dengar. Kita mesti kata cuba buat dulu.

"Lepas tu beliau biasanya tanya adakah kita dah cuba buat dan apa sahaja hasil mesti dilaporkan kepada beliau," katanya.

Pak Ali melihat Dr. Mahathir sebagai orang yang berperibadi mulia dan patut dicontohi oleh semua rakyat jika mahu maju.

Ditanya mengenai rancangan masa depannya, Pak Ali berkata, beliau

berhasrat untuk terus menjaga keselamatan Dr. Mahathir sehingga ke akhir hayatnya.

Bagi seorang lagi pengawal peribadi Dr. Mahathir, Sarjan Mejar **Roslan Othman**, pesanan Perdana Menteri supaya beliau menjalankan tugas dengan baik pada hari pertama melaporkan diri pada tahun 1981 terus menjadi azimat kepadanya.

Sebelum menjawab jawatan itu, Roslan bertugas sebagai Jurulatih Polis di Pusat Latihan Polis Jalan Semarak yang antara rutin hariannya ialah mengajar pasukan

keselamatan tersebut berkawat.

Beliau berkata, perasaan bangga bercampur terkejut apabila mengenangkan tanggungjawab yang bakal dipikul.

"Mulanya saya bimbang tidak dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik, lalu timbul perasaan tidak yakin boleh melakukannya," kata beliau. terus disambar kerana berpendapat peluang baik sedemikian hanya datang sekali dalam seumur hidup.

Roslan, 45 berkata, ternyata tuah bekerja dengan Dr. Mahathir memberi banyak manfaat kepada diri dan keluarga.

Beliau yang juga bapa kepada tiga orang anak itu berkata, kenangan manis yang tidak dapat dilupakan ialah beliau baru melangsungkan perkahwinan ketika mula bertugas dengan Perdana Menteri.

"Ketika majlis perkahwinan, saya, isteri dan ahli keluarga amat berbangga kerana Perdana Menteri datang ke rumah," katanya sambil tersenyum mengingati kembali saat kegembiraan dan kemeriahan itu.

Roslan berkata, keluarganya amat memahami kerjaya itu dan banyak memberi dorongan walaupun kira-kira tiga perempat masa dalam sehari Roslan diperuntukkan bersama Dr. Mahathir atau keluarga Perdana Menteri.

"Saya anggapkan bahawa Perdana Menteri dan isterinya, Datin Siti Hasmah adalah sebahagian daripada keluarga saya sendiri.

"Dr. Mahathir tak cerewet, mudah didampingi dan tidak ada sebarang masalah untuk kami satu kumpulan (pengawal peribadi) menjalankan tugas," katanya yang berasal dari Jelutong Pulau Pinang.

Roslan berkata, beliau melihat Dr. Mahathir adalah seorang bapa dan datuk yang penyayang serta penuh tanggungjawab kepada keluarga yang perlu dicontohi oleh semua orang.

Katanya, walaupun dalam keadaan sibuk tetapi ada masa-masa tertentu yang dikhususkan untuk anggota keluarga.

"Biasanya Perdana Menteri mendampingi keluarganya pada hujung minggu, berbual, bertanya khabar dan bertemu dengan ahli keluarga pada hari itu. selain itu masa makan tengah hari biasanya digunakan untuk bersembang mengenai hal-hal keluarga," katanya.

Katanya, tempoh masa bekerja dengan Perdana Menteri adalah paling manis kerana hampir semua perkara membabitkan keluarganya berlaku ketika menjadi pengawal peribadi Dr. Mahathir.



ROSLAN OTHMAN



MUHAMMAD ALI